



HEBAHAN : PELAKSANAAN KADAR CAJ 'PERCUMA UNTUK 1 JAM PERTAMA' TEMPAT LETAK KERETA (TLK) TERTUTUP OFF-STREET DI KOMPLEKS A DAN KOMPLEKS C, SERTA PENEMPATAN TEMPAT LETAK KERETA KAKITANGAN MAJLIS DI SEKSYEN 52, PETALING JAYA

Seksyen 52, Petaling Jaya adalah merupakan Pusat Bandar yang menjalankan aktiviti-aktiviti komersial seperti Perbankan, Perniagaan, Restoren, Klinik dan Pejabat/Agensi Kerajaan serta Swasta. Keadaan ini telah menyebabkan Seksyen 52 menerima jumlah pengunjung yang tinggi terutama pada waktu puncak yang menyebabkan tempat letak kereta di bahu jalan (*On-street*) yang disediakan tidak mencukupi bagi menampung permintaan pengguna.

2. Maklumat semakan dan kajian yang telah dilaksanakan oleh Majlis Bandaraya Petaling Jaya terhadap kadar penggunaan **1,891 petak letak kereta awam** di Seksyen 52 adalah seperti berikut :-

Tempat Letak Kereta (TLK)	Jumlah Petak	Kadar Penggunaan Petak Pada Waktu Puncak		
		Petak Dipenuhi	Petak Kosong	Peratus (%) Penggunaan
Bahu Jalan (On-street)	1,093	1,093 Pecahan pengguna: i. Orang Awam : 956 , 87% ii. Kakitangan Majlis : 137 ,13%	-	100%
Kompleks A	406	244	162	60%
Kompleks C	392	168	224	43%
Jumlah	1,891	1,505	386	80%

3. Berdasarkan maklumat di atas, terdapat **386 petak kosong** di TLK *Off-street* yang boleh digunakan oleh pengunjung Seksyen 52 pada waktu puncak. Bagi menarik minat pengunjung untuk meletakkan kenderaan di Kompleks A dan Kompleks C, Majlis akan melaksanakan kadar caj letak kereta '**PERCUMA UNTUK 1 JAM PERTAMA**' di kedua-dua kompleks letak kereta tersebut. Kadar sedia ada RM1.50 bagi jam kedua dan seterusnya adalah terpakai.

4. Kakitangan Majlis yang menggunakan TLK *On-street* akan ditempatkan ke TLK kakitangan di kawasan Ibupejabat MBPJ, Kompleks A dan Kompleks C. Penempatan TLK ini akan meningkatkan jumlah penawaran petak letak kereta sedia ada *On-street* **sebanyak 13%** kepada pengguna awam di Seksyen 52.

5. Pelaksanaan kadar caj '**PERCUMA UNTUK 1 JAM PERTAMA**' di Kompleks A dan Kompleks C akan bermula pada **25 April 2022**, manakala penempatan TLK kakitangan Majlis dijangka akan selesai di bulan **Mei 2022**.

Untuk sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut berhubung pelaksanaan ini, sila hubungi **Jabatan Perbendaharaan MBPJ di talian 03-79563544 sambungan 145,138 atau 132.**